

12/01/1997

Pelihara imej parti: Dr M

Izman Ismail; Zulkofli Jamaludin

KUALA LUMPUR: Majlis Tertinggi (MT) Umno mengingatkan pegawai kerajaan dan ahli politik supaya tidak berbuat sesuatu yang boleh menyusah serta mencemarkan imej kerajaan dan parti.

Sambil merujuk kes penahanan Menteri Besar, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, di Brisbane, Australia, Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata mereka seharusnya tidak mendedahkan diri dan terbabit kepada perkara yang boleh menimbulkan masalah. Dalam mesyuarat petang semalam, MT bagaimanapun menerima penjelasan Muhammad berhubung kes penahanannya di lapangan terbang Brisbane selepas didapati gagal mengisytiharkan wang tunai berjumlah RM2.4 juta.

"Walaupun kita menerima penjelasan Muhammad, kita menasihatkan semua anggota kerajaan dan anggota parti lain supaya tidak membuat sesuatu secara sedar atau tidak sedar yang boleh menimbulkan masalah kepada parti," katanya dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat MT kira-kira dua setengah jam di ibu pejabat Umno di sini.

Minggu lalu, Muhammad menjelaskan wang tunai itu adalah milik ahli keluarganya yang digunakan untuk membeli hartanah di Australia. Kesnya akan dibicarakan di Brisbane pada 31 Mac.

Turut hadir dalam mesyuarat itu ialah Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Anwar Ibrahim; ketiga-tiga Naib Presiden serta semua ahli MT. Ini adalah mesyuarat pertama MT tahun ini. Mereka kemudian berbuka puasa bersama Perdana Menteri. Mesyuarat MT juga, kata Dr Mahathir, memutuskan Perhimpunan Agung Umno tahun ini akan diadakan mulai 3 hingga 7 September.

Pada 3 September, MT akan mengadakan mesyuarat pra-perhimpunan, diikuti Persidangan Perwakilan Tahunan Pergerakan Pemuda dan Wanita pada 4 September manakala 5 hingga 7 September adalah tarikh perhimpunan agung, katanya.

Perdana Menteri berkata, MT turut memutuskan untuk menggugurkan perkataan baru dalam pendaftaran Umno.

Dr Mahathir berkata, MT akan mengemukakan permohonan kepada Pendaftar Pertubuhan dan ia dijangka dapat diselesaikan tidak lama lagi.

Perdana Menteri juga menyentuh mengenai kemasukan secara beramai-ramai anggota bekas Parti Melayu Semangat 46 (S46) yang dibubarkan pada 6 Oktober lalu.

Dr Mahathir berkata, mereka tidak boleh memohon untuk membuka cawangan baru di cawangan yang sedia ada tetapi boleh memohon kepada ibu pejabat parti untuk menentukan cawangan yang ingin disertai.

(END)